

Pendahuluan

Harta merupakan salah satu bentuk keperluan dan pastinya ingin dimiliki dalam kehidupan manusia kerana harta mampu untuk memenuhi dan mencapai matlamat dalam bentuk Daruriyyah, Hajiyat ataupun Kamaliyyat.

Konsep Perancangan Harta Dalam Islam

Konsep perancangan harta dari perspektif konvensional adalah mempelajari tentang prinsip-prinsip perancangan terhadap penggunaan, penjagaan/pemilikan dan perpindahan harta seseorang individu.

Konsep perancangan harta dalam Islam lebih komprehensif menurut Othman (2006) iaitu suatu perancangan yang mampu dilaksanakan oleh seseorang semasa hayatnya memperolehi, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-warisnya.

Sadali (2006) menyatakan perancangan merujuk kepada satu aktiviti merancang oleh seseorang individu untuk memindahkan harta yang dimiliki kepada orang lain berdasarkan hukum Syarak.

Dalil Perancangan Harta Dalam Islam

Surah al-Imran ayat 185 yang menjelaskan seseorang perlulah mempunyai perancangan yang baik apa yang ingin dilakukan di dunia yang pasti akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Perancangan Harta Dari Perspektif Maqasid Syariah

Maqasid hukum Islam adalah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat.

Pertama, Syariah Islam dibina dengan asas untuk membawa kepada kebaikan dan menolak keburukan.

Kedua, pemilikan harta diharuskan dalam Islam kerana Islam menjadikan persetujuan antara kedua belah pihak sebagai asas jual beli dalam muamalah.

Nilai-Nilai Islam Dalam Perancangan Harta

Akauntabiliti Tanggungjawab individu terhadap segala apa yang telah diamanahkan.

Adil 1. Adil antara keperluan keluarga dan keperluan masyarakat.

2. Adil antara kesenangan di dunia dan pulangan di akhirat kelak.

3. Adil sebagai pemegang amanah.

Kebijaksanaan 1. Bijak memilih orang yang dipercayai.

2. Bijak membelanjakan harta ke jalan Allah SWT.

Kepentingan Perancangan Harta Dalam Islam

1. Dapat menjamin peredaran harta secara meluas berpandukan hukum syarak.

2. Harta yang diperoleh hendaklah dikembangkan dengan cara yang halal.

3. Wakaf memainkan peranan yang penting dalam menyediakan kemudahan asas kepada masyarakat seperti pendidikan, perumahan, kesihatan dan tempat ibadah.

4. Pembekuan harta dilakukan kerana harta sedia ada tidak digunakan dengan sebaiknya.

5. Zakat merupakan sumber kewangan terpenting melalui hasil pungutan pelbagai jenis zakat.

Penutup

1. Seseorang individu hendaklah mempunyai perancangan terhadap harta yang dimiliki.

2. Islam adalah agama yang syumul dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan untuk melakukan proses ke atas harta yang berlaku disebabkan kematian pemilik harta.

3. Wajib untuk setiap individu memahami ilmu perancangan harta agar dapat membantu menguruskan harta berlandaskan hukum syarak.

4. Menerima faedah dan ganjaran yang baik untuk kehidupan di dunia maupun di akhirat sepertimana yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>



By marsyaaina

cheatography.com/marsyaaina/

Not published yet.

Last updated 26th June, 2020.

Page 1 of 1.